

# VERMIZOL SUSPENSION

Albendazole (200mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Vermizol
2. Bagaimana Vermizol berfungsi
3. Sebelum menggunakan Vermizol
4. Cara menggunakan Vermizol
5. Semasa menggunakan Vermizol
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Vermizol
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan Vermizol

Vemizol digunakan untuk merawat jangkitan tunggal atau pelbagai cacing termasuk cacing gelang, cacing cambuk, cacing kait, cacing benang, cacing kerawit, cacing pita dan cacing hati.

## Bagaimana Vermizol berfungsi

Vemizol mengandungi albendazole sebagai bahan aktif. Albendazole membunuh cacing-cacing ini dengan menyebabkan mereka tiada bekalan tenaga. Ia berkesan terhadap telur, larva dan cacing dewasa.

## Sebelum menggunakan Vermizol

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan ubat ini jika anda alah terhadap

- albendazole
- sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan di akhir risalah ini

Jangan mengambil ubat ini jika anda hamil atau anda mengesyaki anda hamil.

Vemizol tidak disarankan untuk penggunaan di kalangan kanak-kanak bawah umur 1 tahun.

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda koyakan atau dibuka pada pembungkusan.

Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula menggunakan ubat ini, sila tanya doktor anda

### - Sebelum menggunakan Vermizol

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat lain, pengawet atau pewarna.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai fungsi hati yang terjejas. Jika penyakit berlarutan, sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat lain yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa mengambil Vermizol.

## Cara menggunakan Vermizol

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada informasi yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa banyak harus digunakan

*Untuk jangkitan cacing gelang, cacing cambuk, cacing kait atau cacing kerawit*

Kanak-kanak umur 1 hingga 2 tahun:  
Ambil 5ml (satu sudu teh) sebagai dos tunggal

Kanak-kanak umur 2 tahun ke atas dan dewasa:  
Ambil 10ml (dua sudu teh) sebagai dos tunggal

*Untuk jangkitan cacing benang atau cacing pita*

Kanak-kanak umur 1 hingga 2 tahun:  
Ambil 5ml (satu sudu teh) sehari untuk 3 hari berturut-turut

Kanak-kanak umur 2 tahun ke atas dan dewasa:  
Ambil 10ml (dua sudu teh) sehari untuk 3 hari berturut-turut

### - Bila perlu digunakan

Ambil Vermizol seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Goncang sebelum ambil setiap dos.

### - Berapa lama perlu digunakan

Ambil Vermizol seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat.

Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dengan mengambil lebih daripada satu dos pada masa yang sama. Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil Vermizol, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

## Semasa menggunakan Vermizol

### - Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Vermizol.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil Vermizol.

Ambil Vermizol seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Beritahu doktor anda jika anda hamil semasa mengambil Vermizol.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil Vermizol untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Vermizol mempengaruhi anda.

**Kesan-kesan sampingan**

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang-kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan mengenai kesan mengambil ubat ini.

Beberapa kesan-kesan sampingan Vermizol termasuk gangguan gastrousus seperti sakit perut, cirit-birit, rasa loya atau muntah-muntah, sakit kepala dan rasa pening.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan Vermizol**

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknya sehingga tiba masa untuk mengambilnya.

Simpan ubat anda di tempat yang kering suhu bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan Vermizol atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

- Pelupusan

Jika doktor atau ahli farmasi anda mengarahkan anda berhenti mengambil Vermizol atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Ampian berwarna hampir putih, berperisa susu.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
  - Albendazole
- Bahan tidak aktif
  - Preservative stock solution A
  - Sugar
  - Tragacanth Gum
  - Condensed milk flavour
  - Sorbitol solution 70%
  - Trisodium citrate

- Nombor MAL

MAL19971865XZ

**Pengilang**

UPHA Pharmaceutical Manufacturing (M) Sdn. Bhd. (53667-M)  
Lot 2 & 4, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

UPHA Pharmaceutical Manufacturing (M) Sdn. Bhd. (53667-M)  
Lot 2 & 4, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

27/07/2017

Nombor siri:

BPFK (R4/1)210717/00180